

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

SAU202 - Kemiskinan dan Ketidaksamaan Sosial

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 Jam)

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan PERTAMA mesti dijawab dan pilih DUA soalan lain.

PERINGATAN: Jawapan mestilah menepati permintaan soalan. Biarlah jawapan itu teratur, padat dan pendek. Jangan menulis sembarangan kerana ia tidak menolong pemeriksa.

Bahagian A: Soalan ini mesti dijawab (40 markah)

1. "Harapkan pagar, pagar makan padi". Begitulah nasib rancangan pembasmian kemiskinan sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada 1970. Dasar, strategi dan pelaksanaan masih mendapat halangan dalam menyelesaikan masalah kemiskinan. Berasaskan kepada andaian di atas jawab soalan-soalan pendek di bawah mengenai kemiskinan di Semenanjung Tanah Melayu.
 - (a) Apakah definisi kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Bagaimanakah kadar kemiskinan diukur dan beri contoh yang konkrit.
 - (b) Apakah hubungan di antara 'kemiskinan' dengan 'ketidaksamaan sosial'?
 - (c) Nyatakan kelompok-kelompok miskin yang disebut dalam Rancangan Malaysia Kelima. Apakah kelemahan-kelemahan terhadap klasifikasi ini?
 - (d) Jelaskan langkah-langkah yang diambil dalam membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Sejauhmanakah ia telah berjaya?

(SAU 202)

- (e) Nyatakan teori-teori Aziz, Kamal dan S. Hussin Ali mengenai kemiskinan.
- (f) Apakah gunanya 'keluk Lorenz' dan 'koeffisien Gini' dalam kajian kemiskinan.
- (g) Nyatakan hubungan 'perlapisan sosial' dengan 'kemiskinan'.
- (h) Namakan tiga peristiwa penting di Semenanjung Malaysia yang menunjukkan keprihatinan terhadap kemiskinan.

Bahagian B: Pilih dua soalan sahaja (30 markah setiap soalan)

2. Bagaimanakah ideologi dapat mempengaruhi teori-teori ketidaksamaan sosial. Dengan menggunakan contoh kejantinaan atau ras atau ruang (pilih satu sahaja) jelaskan pengaruh-pengaruh ideologi ke atas pandangan seseorang. Apakah implikasinya ke atas masyarakat kapitalis.
3. Pada suatu ketika, masyarakat sosialis telah memberi harapan baru kepada manusia dengan cogan 'berakhirnya ketidaksamaan' (the end of inequality). Nyatakan setengah dari kejayaan yang telah dibawa oleh sosialisme terhadap ketidaksamaan sosial. Apakah pula agenda-agenda yang belum selesai.
4. Teori perlapisan sosial boleh dilihat sebagai satu sejarah kelas menengah di Amerika Syarikat hendak menjustifikasi ketidaksamaan sosial. Apakah saranan-saranan utama golongan ini dan mengapa ia berpengaruh dalam masyarakat kapitalis.

Dapatkan teori 'kelas-sosial' memberi gambaran dan analisis yang lebih tepat dan jitu. Berasaskan kepada pandangan Stavenhagen atau lain-lain sosiologiwan, terangkan bagaimana teori 'kelas sosial' boleh memberi pandangan yang lebih tepat terhadap masyarakat desa.
5. Sepanjang pengalaman manusia, ketidaksamaan sosial pernah membawa beberapa jenis reaksi politik dalam sesebuah bentukan sosial. Huraikan gerakan-gerakan sosial yang pernah timbul.

Bagaimana pula pengaruh ideologi telah mencorak politik pembasmian kemiskinan di Malaysia. Jelaskan dengan memberi beberapa contoh pergerakan sosial sepanjang tahun 1970 dan 1980.